

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN MALAM YANG DIADAKAN OLEH JAWATANKUASA REVOLUSI SHANGHAI DI SHANGHAI PADA 6 MEI, 1979.

Bagi pihak saya, isteri saya, dan lain-lain ahli rombongan, saya mengucapkan terima kasih di atas sambutan meriah yang telah diberikan kepada kami semasa kami tiba di Shanghai pagi ini. Kami juga berbesar hati di atas layanan baik yang telah diberikan kepada kami di sepanjang lawatan yang singkat ini. Oleh kerana masa tidak mengizinkan, kami tidak dapat berada di Shanghai lebih lama lagi. Walau bagaimana pun kami akan membawa bersama-sama pulang kenangan manis mengenai kunjungan sehari ke Shanghai ini.

Sebagai tuan-tuan dan puan-puan sekalian sedia maklum, saya baru sahaja menamatkan lawatan rasmi selama empat hari ke Beijing. Di-Beijing, saya telah mengadakan rundingan yang bermunafaat dengan Pengerusi Hua Guofeng dan Naib Perdana Menteri Encik Deng Xiaoping.

Tuan Yang Terutama,

Sebagai sebuah pusat perusahaan, Shanghai merupakan Bandaraya yang terkemuka bagi memelopori usaha-usaha modenisasi negara yang besar dan terkenal ini. Sebagai sebuah pelabuhan yang besar, Shanghai mempunyai peranan yang penting untuk mengembangkan perdagangan Republik Rakyat China dengan lain-lain negara. Sesungguhnya, Shanghai dengan penduduk-penduduknya yang dinamik boleh menjadi unsur yang amat penting dalam mengeratkan lagi hubungan ekonomi serta meningkatkan lagi perdagangan di antara Republik Rakyat China dan Malaysia. Melalui perhubungan perdagangan dan ekonomi ini, maka dapatlah kita mengukuhkan lagi lain-lain hubungan dua hala di antara kedua-dua negara kita. Saya yakin peranan penting ini dapat dipergiatkan lagi dalam tahun-tahun yang akan datang.

Perhubungan persahabatan di antara kedua-dua negara kita memanglah kukuh. Saya harap lawatan saya ke Republik Rakyat China ini akan dapat meningkatkan lagi perkembangan perhubungan persahabatan ini. Inilah harapan pemimpin-pemimpin dan rakyat Malaysia. Saya gembira menyatakan di sini bahawa inilah jua harapan pemimpin-pemimpin Kerajaan Republik Rakyat China. Semenjak wujudnya perhubungan diplomatik di antara Malaysia dan Republik Rakyat China, pertukaran

rombongan sukan dan kebudayaan telah diadakan. Ia telah memberi sumbangan ke arah persefahaman yang lebih baik di antara kedua-dua rakyat negara kita.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan penghargaan yang ikhlas di atas persahabatan dan layanan baik yang telah diberikan kepada kami dalam lawatan yang singkat ke Shanghai ini. Ia akan menjadi satu kenangan manis kepada kami.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan hormatnya saya mempersilakan hadirin sekalian minum ucap selamat kepada Tuan Yang Terutama Encik Peng Zhong dan Puan Peng Zhong, Tuan Yang Terutama Encik Wang Ee Ping dan Puan Wang Ee Ping, Dif-dif Kehormat dari Republik Rakyat China yang hadir, dan untuk persahabatan kedua-dua rakyat Negara Republik Rakyat China dan Malaysia.

Terima kasih.